

MAKLUM BALAS CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN JANM TAHUN 2019

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
A.	SISTEM		
1	Baiki masalah mencetak slip gaji.	BPTM	Maklumat terperinci berkaitan masalah ini diperlukan.
2	Boleh dipertingkatkan kelajuan sistem di masa akan datang.	BPTM	Maklumat nama sistem yang perlu ditambah kelajuan diperlukan. Pengguna iGFMAS, disaran menggunakan iGFMAS <i>servicedesk</i> untuk mengemukakan cadangan penambahbaikan atau aduan yang dihadapi.
3	Boleh ditambah baik e-Maklum dalam memberikan maklumat mengenai bayaran yang telah dilakukan ke akaun pemohon secara notifikasi SMS (<i>Short Messaging System</i>) / e-mel.	BPTM	Kemudahan SMS dan e-mel telah sedia ada. Kajian menyeluruh eMaklum sedang dijalankan bagi menambah baik proses notifikasi bayaran.
4	Dapat memperbaiki sistem iGFMAS pada masa hadapan	BPTM	Sistem iGFMAS sentiasa ditambah baik berdasarkan keperluan pengguna dari semasa ke semasa. Pengguna disaran menggunakan iGFMAS <i>servicedesk</i> untuk mengemukakan cadangan penambahbaikan.
5	Dapat mempertingkatkan lagi mutu capaian sistem yang sedia ada agar lebih mesra pengguna.	BPTM	Maklumat nama sistem dan cadangan penambahbaikan diperlukan. Pengguna iGFMAS disaran menggunakan iGFMAS <i>servicedesk</i> untuk mengemukakan cadangan penambahbaikan atau aduan.
6	Emaklum melalui sms dapat diterima dalam tempoh sehari selepas bayaran dimasukkan ke akaun bank penerima.	BPTM	Kajian menyeluruh eMaklum sedang dijalankan bagi menambah baik proses notifikasi bayaran.
7	E-Maklum pembayaran perlu ditambah baik termasuklah bayaran kepada pegawai dan tuntutan WTD.	BPTM	Kemudahan eMaklum bagi pembayaran pegawai dan tuntutan WTD telah sedia ada. Kajian menyeluruh eMaklum sedang dijalankan bagi menambah baik proses notifikasi bayaran.
8	Hantar <i>browser</i> ke PTJ.	BPTM	Maklumat terperinci berkaitan <i>browser</i> diperlukan.

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
9	Kalau boleh ada maklumat bayaran terus hantar melalui message lagi bagus.	BPTM	Kemudahan <i>message</i> secara SMS telah sedia ada. Kajian menyeluruh eMaklum sedang dijalankan bagi menambah baik proses notifikasi bayaran.
10	Kapasiti kelajuan sistem masih boleh dipertingkatkan.	BPTM	Maklumat nama sistem yang perlu ditambah kelajuan diperlukan. Sekiranya melibatkan sistem iGFMAS pengguna disaran menggunakan iGFMAS servicedesk untuk mengemukakan isu yang dihadapi agar siasatan boleh dibuat segera.
11	Lebih efisien dari segi sistem kerana kadang-kadang melambatkan sesuatu kerja.	BPTM	Maklumat terperinci berkaitan isu ini diperlukan.
12	Keberkesanan eMaklum dalam memberikan maklumat mengenai bayaran boleh ditambah baik.	BPTM	Kajian menyeluruh eMaklum sedang dijalankan bagi menambah baik proses notifikasi bayaran.
13	Lebih menggunakan aplikasi mobile.	BPTM	Aplikasi mobile sedia ada adalah ePayslip JANM Mobile. Perancangan aplikasi mobile bagi aplikasi yang lain telah diambil kira dalam Pelan Strategik ICT (ISP) JANM seperti aplikasi eGUMIS.
14	Memastikan sistem iGFMAS lebih cekap.	BPTM	Sistem iGFMAS sentiasa ditambah baik berdasarkan keperluan pengguna dari semasa ke semasa. Pengguna disaran menggunakan iGFMAS servicedesk untuk menyalurkan cadangan kepada pasukan khidmat sokongan iGFMAS.
15	Memberi kursus kepada yang belum mahir dalam sistem iGFMAS.	IPN	Kursus berkaitan sistem iGFMAS ada ditawarkan di IPN iaitu kursus iGFMAS: Perakaunan Terimaan, iGFMAS: Pengurusan Perolehan, iGFMAS: Perakaunan Pembayaran, iGFMAS: Perakaunan Aset, iGFMAS: untuk Pengurus PTJ dan iGFMAS: Pengurusan Gaji (Emolumen).
16	Menaik taraf jalur lebar untuk memudahkan capaian ke portal JANM.	BPTM	JANM menggunakan kemudahan internet melalui talian MyGovNet dengan bandwidth 405 mbps yang dikongsi oleh JANM dengan KASTAM. Purata penggunaan dari Jun – Disember 2019 adalah 51 mpbs (13%) sahaja. Syarat asas peningkatan bandwidth yang ditentukan oleh pihak

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
			MAMPU bergantung kepada tahap penggunaan 90 – 95% yang berterusan dalam tempoh 3 bulan berturut-turut.
17	Menaiktaraf sistem kerana kadang-kadang sistem iGFMAS menjadi perlahan dan menunggu lama untuk proses seterusnya.	BPTM	Maklumat terperinci diperlukan bagi mengenalpasti isu yang dihadapi. Pengguna disaran menggunakan iGFMAS servicedesk untuk menyalurkan aduan kepada pasukan khidmat sokongan iGFMAS.
18	Menambah keperluan peralatan IT di pejabat. Cth: pencetak wifi yang dapat digunakan.	BPTM	Perolehan peralatan ICT termasuk pencetak dibuat secara berpusat setiap tahun. Permohonan dengan justifikasi keperluan boleh dikemukakan kepada BPTM untuk dipertimbangkan untuk perolehan akan datang.
19	Memastikan sistem emaklum boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat dengan cepat. Memastikan gangguan dalam sistem emaklum diperbaiki dengan pantas tanpa memakan masa yang lama sehingga melangkaui bulan dan tahun.	BPTM	Kajian menyeluruh eMaklum sedang dijalankan bagi menambah baik proses notifikasi bayaran.
20	Meningkatkan lagi mutu kerja pegawai JANM dengan menaik taraf sistem dan peralatan elektronik di pejabat JANM.	BPTM	Maklumat nama sistem yang perlu dinaiktaraf diperlukan.
21	Mohon website eMaklum lebih efisien dan cepat diterima.	BPTM	Kajian menyeluruh eMaklum sedang dijalankan bagi menambah baik proses notifikasi bayaran.
22	Mengadakan kursus pendek mengenai aplikasi atau sistem kepada pegawai baru.	IPN	Kursus-kursus mengenai aplikasi atau sistem ditawarkan di IPN seperti kursus iGFMAS, ePerolehan, Sistem Pengurusan Aset (SPA), Sistem Pengurusan Stor (SPS), Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (MySPATA), Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah (eSPKWS), Microsoft Excel, Microsoft Publisher dan Microsoft Powerpoint.
23	Pertingkatkan tahap perkhidmatan terutama dari segi capaian sistem iGFMAS yang lebih pantas.	BPTM	Maklumat terperinci diperlukan bagi mengenalpasti isu yang dihadapi. Pengguna perlu menggunakan iGFMAS servicedesk untuk menyalurkan aduan kepada pasukan khidmat sokongan iGFMAS agar isu capaian dapat disemak samada melibatkan rangkaian atau aplikasi.
24	Memohon agar JANM mencadangkan kepada pihak tertentu mengenai kepastan talian internet di kawasan pedalaman dan pulau-pulau	BPTM	Naik taraf rangkaian MyGovNet untuk capaian internet dan sistem aplikasi adalah di bawah MAMPU. Senarai kawasan

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
	dinaiktarafkan agar dapat mengurangkan kos-kos pengangkutan keluar masuk dari pedalaman ke kawasan bandar (kiosk-kiosk atau makmal iGFMAS).		pedalaman dan pulau yang terlibat diperlukan untuk dipanjangkan kepada pihak MAMPU.
25	Pastikan sistem sentiasa boleh diakses.	BPTM	Maklumat nama sistem diperlukan untuk semakan. BPTM sentiasa memastikan sistem yang disenggara sentiasa boleh diakses.
26	Penambahbaikan dalam sistem ada masa <i>loading</i> mengambil masa terlalu lama.	BPTM	Maklumat nama sistem yang perlu ditambah baik dan mempunyai isu <i>loading</i> diperlukan untuk semakan lanjut. Sekiranya melibatkan iGFMAS pengguna disarankan menggunakan iGFMAS servicedesk untuk mengemukakan isu yang dihadapi agar tindakan boleh diambil oleh Pasukan Khidmat Sokongan iGFMAS dengan segera dan boleh dipantau.
27	Penambahbaikan sistem portal iGFMAS.	BPTM	Sistem iGFMAS sentiasa ditambah baik berdasarkan keperluan pengguna dari semasa ke semasa. Pengguna disarankan menggunakan iGFMAS servicedesk untuk menyalurkan cadangan penambahbaikan kepada pasukan khidmat sokongan iGFMAS.
28	Penambakan sistem eMaklum dari segi tempoh pengeluaran emel notifikasi pembayaran.	BPTM	Kajian menyeluruh eMaklum sedang dijalankan bagi menambah baik proses notifikasi bayaran.
29	Penyampaian perkhidmatan boleh ditingkatkan melalui latihan/kursus yang berterusan dan sistem sokongan yang kuat daripada pihak ibu pejabat yang berkaitan dengan masalah sistem dan proses kerja.	PPPA BPOPP	<u>BPOPP:</u> BPOPP sentiasa mengemaskini arahan operasi/proses kerja dari semasa ke semasa dan telah diedarkan kepada semua Pejabat Perakaunan agar operasi/ proses kerja seragam dan menyeluruh bagi semua Pejabat Perakaunan. <u>PPPA:</u> PPPA bekerjasama dengan IPN untuk memberi latihan sistem termasuk proses kerja bagi memastikan pengguna

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
			sistem diberi latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sistem.
30	Perkhidmatan SOLMAN perlu ditambah baik dan mudah difahami.	BPTM	<p>Sistem iGFMAS akan sentiasa ditambahbaik dari masa ke semasa berdasarkan keperluan.</p> <p>Maklumat terperinci diperlukan bagi mengenalpasti isu yang dihadapi. Mohon penjelasan lanjut tentang perkhidmatan SOLMAN yang dimaksudkan.</p> <p>Pengguna boleh merujuk kepada Manual Pengguna, Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Garis Panduan Khidmat Meja Bantuan iGFMAS (iGFMAS Service Desk) yang telah dimuatnaik di laman web Perakaunan Akruan, atau merujuk kepada Unit Khidmat Pelanggan di Pejabat Perakaunan sekiranya menghadapi masalah.</p>
31	Perkhidmatan yang diberikan oleh pegawai dan staff sangat baik dan cekap. Penambahbaikan kecekapan sistem iGFMAS perlu diberi perhatian.	BPTM	<p>Sistem iGFMAS sentiasa ditambah baik berdasarkan keperluan pengguna dari semasa ke semasa.</p> <p>Pengguna disaran menggunakan iGFMAS servicedesk untuk menyalurkan cadangan kepada pasukan khidmat sokongan iGFMAS.</p>
32	Perlu ada satu platform yang lebih cepat sepertimana buletin eSPKB pada suatu masa dulu. Buletin iGFMAS pada masa sekarang tidak menarik, <i>not user friendly</i> dan terlalu umum. PTJ di negeri memerlukan saluran khusus utk janm negeri berkomunikasi dgn PTJ Negeri.	BPTM	Cadangan ini akan diambil kira di dalam senarai penambahbaikan. Pelaksanaannya adalah mengikut keutamaan senarai penambahbaikan aplikasi projek iGFMAS berdasarkan sumber-sumber yang ada.
33	Perlu mempertingkatkan capaian secara <i>online</i> dengan berkesan.	BPTM	Maklumat mengenai jenis perkhidmatan <i>online</i> perlu dinyatakan.
34	Perubahan kepada peningkatan penggunaan mengakses JANM secara menyeluruh melalui <i>mobile phone</i> .	BPTM	Aplikasi <i>mobile</i> sedia ada adalah ePayslip JANM Mobile. Perancangan aplikasi mobile bagi aplikasi yang lain telah diambil kira dalam ISP JANM seperti aplikasi eGUMIS.
35	Talian internet bagi sistem iGFMAS perlu diperbaiki dan latihan kepada PT Kewangan perlu diperluaskan lagi.	BPTM	JANM menggunakan kemudahan internet melalui talian MyGov*Net dengan bandwidth 405 mbps yang dikongsi oleh JANM dengan KASTAM. Purata penggunaan dari Jun

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
		IPN	<p>– Disember 2019 adalah 51 mpbs (13%) sahaja. Syarat asas peningkatan bandwidth yang ditentukan oleh pihak MAMPU bergantung kepada tahap penggunaan 90 – 95% yang berterusan dalam tempoh 3 bulan berturut-turut.</p> <p>Kursus berkaitan sistem iGFMAS ada ditawarkan di IPN iaitu kursus iGFMAS: Perakaunan Terimaan, iGFMAS: Pengurusan Perolehan, iGFMAS: Perakaunan Pembayaran, iGFMAS: Perakaunan Aset, iGFMAS: untuk Pengurus PTJ dan iGFMAS: Pengurusan Gaji (Emolumen).</p>
36	Tambah baik sistem eMaklum supaya notifikasi mengenai kemasukan tuntutan TNT ke dlm akaun dimaklumkan pada masa yang sama, atau sekurang-kurangnya beza 1 hari sahaja, dan bukannya mengambil masa yang panjang seperti sekarang ini. Ada juga kemasukan tuntutan TNT tidak diterima oleh saya.	BPTM	Kajian menyeluruh eMaklum sedang dijalankan bagi menambah baik proses notifikasi bayaran.
37	Tingkatkan kepantasan capaian pada sistem.	BPTM	Maklumat nama sistem diperlukan untuk dipertingkatkan capaian.
38	Pegawai JANM Selangor yang menguruskan SOLMAN sangat membantu. Cuma mungkin perlu lebih mahir mengenai sistem iGFMAS supaya dapat menyelesaikan masalah yang rumit.	BPOPP	<u>BPOPP - JANM SELANGOR</u> Semua pegawai yang menguruskan SOLMAN telah diberi latihan dan pendedahan sistem iGFMAS. Walau bagaimanapun, tahap penyelesaian terhadap kepada MPK iGFMAS dan isu lebih rumit yang melibatkan teknikal sistem perlu dipanjangkan kepada Ibu Pejabat JANM
39	<i>To upgrade better coverage in accessing iGFMAS portal at rural areas.</i>	BPTM	Naik taraf rangkaian MyGovNet untuk capaian sistem iGFMAS adalah di bawah MAMPU. Senarai kawasan luar bandar yang terlibat diperlukan untuk dipanjangkan kepada pihak MAMPU.
40	Tolong tingkatkan kelajuan bagi sistem iGFMAS. Setiap hari mengalami masalah dengan sistem tersebut sehingga menyukarkan untuk menyiapkan tugas harian.	BPTM	<p>Maklumat terperinci diperlukan bagi mengenalpasti isu yang dihadapi.</p> <p>Pengguna disaran menggunakan iGFMAS servicedesk untuk melaporkan aduan kepada pasukan khidmat</p>

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
			sokongan iGFMAS agar isu capaian dapat disemak samada melibatkan rangkaian atau aplikasi.
41	Keseluruhan dari segi pembayaran dan saluran maklumat melalui whatsapp amat berkesan selain penggunaan e-mel.	BPTM	Cadangan diambil maklum. Pada masa ini, kajian menyeluruh eMaklum sedang dijalankan bagi menambah baik proses notifikasi bayaran.
B. WTD			
1	Hebahan WTD dicadang diperluaskan ke daerah / kampung di mana penduduk kampung susah mendapat maklumat mengenai perkhidmatan ini.	BWTD	i) Pelaksanaan aktiviti mobile CTC ke seluruh negara telah dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kewangan. ii) Taklimat kesedaran WTD diadakan secara berkala di JANM Negeri seluruh Negara.
2	Iklan mengenai WTD di televisyen.	BWTD	Jabatan telah membuat hebahan melalui: i) Media cetak seperti Utusan Malaysia, Orientel Daily, Kosmo dan The Star; ii) Mengisi slot program wawancara di stesen radio dan televisyen seperti Program Selamat Pagi Malaysia, Program Nasi Lemak Kopi O di TV9, Program Malaysia Hari Ini di TV3, Program Assalamualaikum di TV Alhijrah dan Program Nadi Pagi di Nasional FM iii) Makluman juga dibuat melalui halaman Facebook JANM
3	Lebih banyak perkhidmatan <i>online</i> i.e Wang Tak Dituntut.	BPTM BWTD	<u>BPTM:</u> Perkhidmatan <i>online</i> bagi fungsi permohonan tuntutan <i>online</i> WTD eGUMIS telah dilaksanakan mulai Oktober 2020. <u>BWTD:</u> <u>Portal eWTD</u> i) Taklimat WTD secara atas talian telah boleh dicapai oleh orang awam dan syarikat melalui Portal eWTD ii) Semakan status syarikat yang diperiksa

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
			<p><u>Portal eGUMIS</u></p> <p>i) Bermula Januari 2020 Jabatan juga telah melaksanakan semakan status WTD secara dalam talian melalui portal eGUMIS</p> <p>ii) Perancangan juga dibuat bagi menyediakan kemudahan tuntutan bayaran balik secara online.</p>
4	Memberi maklumat yang menyeluruh kepada orang awam mengenai cara membuat tuntutan WTD lengkap dengan pautan borang dan tindakan yang perlu dilakukan.	BWTD	Semua maklumat berkenaan prosedur permohonan tuntutan bayaran balik WTD dan borang-borang yang diperlukan telah di muatnaik di dalam laman web ewtd.anm.gov.my
5	Mengadakan roadshow supaya rakyat lebih peka dengan urusan JANM, terutamanya WTD.	BWTD	Cadangan mengadakan <i>roadshow</i> atau pembukaan booth telah dilaksanakan dan dijadualkan dalam perancangan aktiviti BWTD. Walau bagaimanapun, perancangan aktiviti bagi tahun 2020 telah ditunda kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga tarikh yang dibenarkan oleh Kerajaan.
6	Meningkatkan kemudahan dan kualiti di kaunter terutamanya kaunter WTD di seluruh cawangan JANM.	BWTD BPOPP	<p><u>BWTD:</u> Mesyuarat bersama cawangan-cawangan JANM untuk penambahbaikan telah diadakan dari semasa ke semasa.</p> <p><u>BPOPP:</u> JANM Negeri/Cawangan(JNC) sentiasa memastikan kualiti perkhidmatan yang disediakan di kaunter adalah memuaskan. Peti cadangan disediakan di kaunter untuk pelanggan memberi maklumbalas dan sebarang maklumbalas akan diambil tindakan segera. Usaha berterusan akan dibuat untuk tambahbaik kemudahan kaunter di JANM Negeri/Cawangan(JNC).</p>
7	Mohon mengadakan booth WTD pada hari sabtu dalam 2 kali sebulan bagi memudahkan penduduk dari kawasan pedalaman turun untuk berurusan.	BWTD	Cadangan roadshow atau pembukaan booth di kawasan pedalaman diambil maklum dan akan dikaji untuk aktiviti BWTD untuk masa hadapan.
8	Paparan untuk semakan WTD seperti semakan eGUMIS untuk memudahkan cetakan dokumen untuk pelanggan.	BWTD	Pelanggan boleh membuat cetakan semakan WTD melalui Sistem eGUMIS.

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
9	Perlu lebih banyak hebahan kepada orang awam berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia terutamanya Wang Tak Dituntut.	BWTD BPPP	i) Hebahan telah dibuat melalui Portal eWTD, Portal JANM dan Facebook Jabatan ii) Hebahan melalui media cetak seperti Utusan Malaysia, Oriental Daily, Kosmo dan The Star; iii) Serta mengisi slot program wawancara di stesen radio dan television seperti Program Selamat Pagi Malaysia, Program Nasi Lemak Kopi O di TV9, Program Malaysia Hari Ini di TV3, Program Assalamualaikum di TV Alhijrah dan Program Nadi Pagi di Nasional FM
10	Proses bayaran WTD perlu diberi perhatian. Talian telefon di ibu pejabat JANM sukar ditembusi.	BWTD	Bilangan panggilan dan bilangan permohonan yang tinggi menyebabkan berlaku sedikit kelewatan dalam mengendalikan proses bayaran WTD. Walau bagaimanapun, penambahbaikan sistem dan proses bayaran WTD sedang dilaksanakan untuk mengurangkan tempoh proses bayaran tersebut.
11	Proses duit WTD dengan segera sistem lembab dan sila upgrade sistem supaya pengguna boleh check keseluruhan dan kaunter WTD sangat2 ramai orang dan banyak pegawai kurang pengetahuan untuk bertanya.	BWTD	Penambahbaikan sistem sedang dilaksanakan dan latihan bersama pegawai-pegawai kaunter telah dilaksanakan dari semasa ke semasa.
12	Sediakan kiosk untuk semakan WTD di kaunter.	BWTD	Alternatif semakan secara online telah dilaksanakan bagi mengurangkan bilangan kehadiran pelanggan di kaunter. Walau bagaimanapun, cadangan penyediaan kiosk diambil maklum untuk penambahbaikan.
13	Tempoh bayaran Wang Tak Dituntut dipercepatkan lagi. Kebanyakannya lebih dari 2 bulan penerimaan duit ke dalam akaun.	BWTD	Bilangan permohonan yang tinggi menyebabkan berlaku sedikit kelewatan dalam mengendalikan proses bayaran WTD. Walau bagaimanapun, penambahbaikan sistem dan proses bayaran WTD sedang dilaksanakan untuk mengurangkan tempoh proses bayaran tersebut. Perancangan juga telah dibuat untuk melaksanakan tuntutan bayaran balik secara <i>online</i> .
14	Proses tuntutan WTD sangat menyusahkan dan lambat. Tempoh 3 bulan proses adalah tempoh maksima sehingga wang dicreditkan,	BWTD	Bilangan permohonan yang tinggi menyebabkan berlaku sedikit kelewatan dalam mengendalikan proses bayaran

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
	bukan diproses selepas 3 bulan dan borang tuntutan dikembalikan dengan bermacam alasan yang remeh temeh.		WTD dan proses bayaran adalah tertakluk kepada prosedur yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, penambahbaikan sistem dan proses bayaran WTD sedang dilaksanakan untuk mengurangkan tempoh proses bayaran tersebut.
15	Tambah baik WTD dengan carian lebih dari 2 carian serta dokumen pengesahan dihantar melalui email atau online tanpa perlu hadir ke kaunter untuk serahan dokumen.	BWTD BPTM	Perkhidmatan online bagi fungsi permohonan tuntutan online WTD eGUMIS telah dilaksanakan mulai Oktober 2020. Carian terhad tersebut merupakan salah satu ciri keselamatan sistem. Seorang pemilik sebenar hanya mempunyai 2 id sahaja seperti kad pengenalan baru dan kad pengenalan lama/pasport.
C. LAYANAN TELEFON			
1	Panggilan telefon hendaklah sentiasa berjawab, pegawai back up perlu sentiasa ada dan pegawai di kaunter dan di pejabat perlu faham tatacara menjawab telefon dengan baik sama ada sesama penjawat awam atau bukan penjawat awam.	Semua Bahagian	<u>BPOPA:</u> BPOPA mengambil maklum perkara ini dan pegawai akan menghubungi semula pelanggan sekiranya perlu. <u>BWTD:</u> BWTD mempunyai kakitangan yang diarahkan untuk menjawab panggilan telefon "help desk" yang perlu sentiasa ada sepanjang waktu pejabat. BWTD juga sentiasa memastikan pegawai terutama yang menguruskan kaunter supaya menjalani kursus berkaitan perkhidmatan kaunter yang sering diadakan oleh BPPP. <u>BPAD:</u> BPAD sentiasa mengingatkan kepada semua pegawai agar mematuhi Tatacara Menyambut Panggilan Telefon dari masa ke semasa.

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
			<p><u>BPOPP:</u> Semua pegawai diingatkan agar sentiasa mematuhi tatacara menjawab telefon & tatacara tersebut telah dicetak & ditampalkan pada telefon setiap pegawai.</p> <p>Semua Pengarah Negeri/ Cawangan dikehendaki memastikan tatacara menjawab telefon sentiasa diamalkan di Pejabat masing-masing dan memastikan pegawai menjawab panggilan telefon secara berhemah.</p> <p><u>PPPA:</u> PPPA mengambil tindakan untuk menyambung talian pegawai kepada pegawai back-up sekiranya pegawai tersebut bertugas rasmi di luar pejabat.</p> <p><u>IPN:</u> IPN sentiasa memastikan talian telefon sentiasa berjawab dan pegawai back up sentiasa ada. Talian telefon akan disambung ke pegawai lain sekiranya pegawai tidak berada di tempatnya.</p>
2	Kakitangan JANM Pulau Pinang hendaklah sentiasa menambah ilmu dalam semua bidang dan sentiasa bersedia supaya apabila soalan yang ditanya melalui panggilan telefon dapat dijawab dengan segera dan tidak tertunggu tunggu sehingga panggilan disambung kepada ramai staf.	BPOPP	Kursus telah diadakan secara berterusan untuk memastikan semua staf di JANM Pulau Pinang dapat mempertingkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan di dalam semua aspek berkaitan operasi JANM. Namun sekiranya perlu penjelasan lanjut panggilan akan disambungkan kepada pegawai yang lebih mahir .
3	Ketiadaan pegawai di talian ketika memerlukan khidmat nasihat.	Semua Bahagian	Ini adalah disebabkan pegawai yang terlibat menghadiri mesyuarat atau perbincangan bersama pihak lain di luar pejabat.

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
			<p><u>BWTD:</u> BWTD sentiasa meletakkan pegawai unit tertentu yang khas bagi menguruskan pertanyaan orang awam dengan kadar segera.</p> <p><u>BPAD:</u> Pegawai BPAD sentiasa diingatkan agar melakukan tindakan susulan dengan kadar segera sejeurus berada di <i>workstation</i> berdasarkan pada memo atau nota yang ditinggalkan.</p>
4	Pegawai kaunter telefon ditambah lebih dari seorang, supaya panggilan dapat dijawab dan tidak perlu membuat panggilan sehingga 4 hingga 5 kali sebab panggilan tidak dijawab/diangkat.	BPPP BPOPP	<p><u>BPOPP:</u> Bilangan pegawai bertugas di kaunter akan ditambah mengikut keperluan semasa.</p> <p>JANM Negeri/Cawangan(JNC) mengambil perhatian maklumbalas berkenaan panggilan telefon dan telah memaklumkan pegawai untuk mengangkat telefon mengikut SOP yang telah ditetapkan.</p> <p><u>BPPP:</u> Pegawai Khidmat Pelanggan (PKP) JANM sentiasa berusaha menjawab panggilan telefon dari pelanggan.</p>
D. KURSUS			
1	Kualiti mungkin boleh lebih dimaksimumkan sekiranya pegawai-pegawai di JANM terutama yang bertugas di front line diberi latihan dalam bidang komunikasi dan bahasa. Tidak dinafikan adalah amat sedikit kursus bahasa inggeris dan komunikasi diadakan di IPN sedangkan pada pendapat saya kemahiran bahasa inggeris akan menjadi nilai tambah kepada JANM.	IPN BPPP	<p><u>IPN:</u> Cadangan penambahbaikan diambil maklum dan diberi perhatian. Kursus-kursus berbentuk <i>softskills</i> ada dijalankan di IPN melalui kursus-kursus baharu. Untuk makluman, bagi tahun 2020 IPN ada menganjurkan kursus-kursus seperti kursus <i>Problem Solving, Negotiation Skills</i> dan <i>Change Management</i>.</p>
2	Kursus yang lebih tertumpu berkaitan tugas yang diberi.	IPN	Melalui kursus yang dilaksanakan di IPN, ada slot latihan amal yang memberi fokus kepada perbincangan dan

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
			pemahaman berkaitan tugas-tugas yang berkaitan dengan topik kursus tersebut.
3	Memberikan lebih banyak kursus dan maklumat bagi pegawai khidmat pelanggan	BPPP	BPPP mengambil maklum mengenai cadangan ini. Untuk makluman, BPPP melaksanakan kursus bagi Pegawai Khidmat Pelanggan JANM seluruh negara mengikut takwim yang telah disediakan.
4	Memperbanyakkan kursus secara percuma mengenai perakaunan untuk kakitangan kerajaan.	IPN	Kursus di IPN mengenakan yuran kursus sebanyak RM30 yang layak dituntut semula oleh peserta kursus.
5	Mohon dibuat banyak latihan ulangkaji kerana terdapat pindaan-pindaan yang mengelirukan.	IPN	Slot latih amal dan perbincangan ada di dalam modul kursus-kursus yang dilaksanakan di IPN. IPN juga sentiasa mengemaskini pelan pengajaran bagi memastikan perubahan-perubahan berkaitan diambil kira.
6	Kursus IPN kurang dijalankan.	IPN	Untuk makluman, IPN sentiasa berusaha untuk menambah bilangan kursus yang dijalankan setiap tahun. Bagi tahun 2020, IPN menganjurkan sebanyak 271 kursus di IPN dan Zon.
7	Untuk kursus di IPN terbukalah kepada gred 1-17 seperti dulu2 semasa IPN baru dibuka 10 tahun yang lalu harap diterima pakai cadangan dari kami semua yang berjawatan bukan (W) kami yang N/H nak sangat berkursus di IPN macam dulu.	IPN	Kursus di IPN terbuka kepada semua penjawat awam. IPN ada menjalankan kursus-kursus seperti Microsoft Excel dan Powerpoint yang boleh dihadiri oleh semua penjawat awam.
8	Sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan melalui latihan yang berterusan dan kursus motivasi yang diadakan oleh jabatan setiap tahun.	IPN	Cadangan penambahbaikan diambil maklum dan diberi perhatian.
9	Selain menghantar pegawai untuk berkursus generik di semenanjung yang memerlukan kos biaya yang mahal, sebaiknya, menghantar pegawai untuk membuat kursus di Sarawak dan Sabah.	IPN	Untuk makluman, kursus-kursus IPN ada dijalankan di Sabah dan Sarawak melalui JANM Cawangan masing-masing.
E. LAYANAN DAN PENGETAHUAN PEGAWAI			
1	Jawapan yang diberikan berbeza-beza mengikut pemahaman pegawai-pegawai itu sendiri. Kadangkala jawapan yang diberikan sesama sendiri amat bercanggah. Maka pegawai di PTJ keliru dan	BPOPP BA MOF	BPOPP: BPOPP sentiasa mengemaskini arahan operasi untuk rujukan Pejabat Perakaunan dan semua pengemaskinian

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
	<p>tidak pasti hendak mengikut jawapan dan arahan yang mana satu. Seterusnya apabila dimohon pegawai email agar ada arahan bertulis untuk tindakan PTJ, amat tidak menggalakkan.</p>		<p>disalurkan dengan segera kepada semua Pejabat Perakaunan melalui pelbagai medium seperti emel dan whatsapp bagi memastikan penyelarasan.</p> <p>Merujuk kepada maklumbalas daripada JANM Negeri/ Cawangan (JNC), Arahan operasi dari Ibu Pejabat disalurkan kepada semua pegawai melalui emel dan whatsapp untuk memastikan pegawai di JANM Negeri/ Cawangan (JNC) sentiasa dikemaskini dengan arahan operasi terkini. Ini dapat memastikan jawapan yang diberi kepada PTJ adalah betul. Semua pegawai telah diminta untuk memberi jawapan yang tepat kepada PTJ. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berkenaan dengan soalan yang dikemukakan oleh PTJ, pegawai diminta untuk mendapatkan jawapan yang betul terlebih dahulu sebelum menjawab pertanyaan PTJ. Mana-mana Arahan Operasi yang berkaitan dengan PTJ juga turut dipanjangkan kepada PTJ.</p> <p><u>BAMOF:</u> Bagi memastikan jawapan yang diberikan kepada PTJ adalah tepat, setiap Unit di BAMOF sentiasa membuat semakan antara satu sama lain serta dengan pihak berkaitan.</p> <p>Surat/emel juga dihantar kepada PTJ bagi memastikan ada arahan bertulis kepada PTJ.</p>
2	<p>Kaunter utama merupakan 'First Impression' bagi orang awam atau pengunjung yang berurusan ke JANM. Sewajarnya di kaunter perlu ditugaskan individu yang mencerminkan budaya JANM yang lebih professional, berhemah dan menyantuni walaupun termasuk anggota RELA yang bertugas.</p>	BPPP	<p>Cadangan penambahbaikan diambil maklum. Kursus bagi Pegawai Khidmat Pelanggan JANM dilaksanakan mengikut takwim yang telah ditetapkan oleh Jabatan.</p>

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
3	Kualiti - pegawai JANM haruslah lebih berpengetahuan dan lebih terbuka untuk menjawab soalan dari PTJ.	BPOPP BA MOF	<p><u>BPOPP:</u> JANM sentiasa berusaha memastikan pegawai JANM berpengetahuan dan dilengkapi dengan ilmu pengetahuan yang terkini di mana setiap pegawai perakaunan dikehendaki menghadiri kursus berkaitan perakaunan dan kewangan dan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Latihan. Pengarah JANM Negeri/ Cawangan juga berusaha memastikan semua pegawai seliaan masing-masing sentiasa dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi dengan mengadakan kursus dalaman, sesi <i>sharing knowledge</i> dan sebagainya agar pegawai dapat memberi khidmat nasihat sewajarnya kepada PTJ.</p> <p><u>BAMOF:</u> Pegawai di BAMOF sentiasa menghadiri kursus/ latihan bersesuaian dari masa ke semasa bagi meningkatkan pengetahuan.</p>
4	Meletakkan pegawai-pegawai di Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang lebih efisien dan cepat memberi maklum balas terhadap semua pertanyaan.	Semua Bahagian	<p><u>BPOPA:</u> Latihan dan kursus dalam bidang komunikasi dan bahasa serta berkaitan bidang tugas akan diberikan kepada kepada semua kakitangan yang terlibat</p> <p><u>BWTD:</u> BWTD sentiasa meletakkan pegawai unit tertentu yang khas bagi menguruskan pertanyaan orang awam dengan kadar segera.</p> <p><u>BPAD:</u> BPAD sentiasa meletakkan pegawai-pegawai secara bersistematik dan mengikut perancangan yang sedia ada.</p>

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
			<p><u>BPOPP:</u> Pengurusan BPOPP sentiasa memberi nasihat dan teguran kepada semua pegawai di BPOPP melalui Mesyuarat agar semua pegawai sentiasa mengamalkan kerja secara efisien dan cepat.</p> <p>Pengarah Negeri/ Cawangan juga berusaha memastikan semua pegawai seliaan masing-masing sentiasa dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi dengan mengadakan kursus dalaman, sesi sharing knowledge dan sebagainya agar pegawai dapat memberi khidmat nasihat dengan lebih efisien kepada PTJ.</p> <p><u>PPPA:</u> PPPA sentiasa memastikan pegawai-pegawai yang efisien dan cepat memberi maklum balas diletakkan untuk menjawab pertanyaan.</p> <p><u>IPN:</u> Pegawai/kakitangan yang kompeten dan berpengetahuan dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing.</p>
5	Meletakkan seseorang yang mahir di <i>frontliner</i> mengenai jabatan.	BPPP BPOPP	<p>JANM sentiasa berusaha memastikan pegawai JANM sentiasa berpengetahuan di mana setiap pegawai perakaunan dikehendaki menghadiri kursus berkaitan perakaunan dan kewangan dan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Latihan.</p> <p>Pengarah JANM Negeri/ Cawangan juga memastikan semua pegawai seliaan masing-masing sentiasa diberi pendedahan dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi dengan mengadakan kursus dalaman, sesi knowledge</p>

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
			sharing dan sebagainya agar pegawai dapat memberi khidmat nasihat sewajarnya kepada PTJ.
6	Menekankan sikap positif dan suka senyum di kalangan pegawai.	Semua Bahagian	<p><u>BPOPA:</u> BPOPA mengambil maklum dan sentiasa mengingatkan warga untuk mengamalkan amalan Berbudu Bahasa.</p> <p><u>BWTD:</u> BWTD sentiasa memastikan pegawai terutama yang menguruskan kaunter supaya menjalani kursus berkaitan perkhidmatan kaunter yang sering diadakan oleh BPPP.</p> <p><u>BPAD:</u> BPAD sentiasa mengingatkan para pegawai dari semasa ke semasa.</p> <p><u>BPOPP:</u> Pengurusan BPOPP sentiasa memastikan pegawai di BPOPP bekerja dalam suasana yang sihat dan kondusif dengan mempunyai pemikiran positif dan keseronokan bekerja. Bekerja sebagai satu pasukan sentiasa menjadi amalan di BPOPP, di samping menjalankan tanggungjawab memberi khidmat nasihat kepada Pejabat Perakaunan di seluruh negara.</p> <p>Pengarah Negeri/ Cawangan juga menerapkan kepentingan nilai-nilai positif ketika bertugas di kalangan pegawai dan mengamalkan budaya kerja mesra pelanggan ketika berurusan dengan pelanggan.</p> <p><u>PPPA:</u> PPPA sentiasa memastikan pegawai di PPPA mempunyai sikap yang positif dan suka memberikan senyuman.</p>

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
			<p><u>IPN:</u> IPN sentiasa mengamalkan komunikasi mengikut Panduan Pengurusan Pelanggan Bil 1 2008</p>
7	Mengadakan pusingan tugas semua pegawai.	BPPP	Pusingan tugas (secara dalaman dan antara jabatan) sentiasa dilaksanakan di JANM terutamanya bagi jawatan sensitif dan berisiko tinggi.
8	Mohon pegawai meja sentiasa ada di tempat masing-masing supaya mudah untuk dihubungi atau ada pengganti untuk memudahkan PTJ berurusan.	Semua Bahagian	<p><u>BAMOF:</u> Sekiranya pegawai tidak berkelapangan, pegawai dari seksyen yang sama perlu <i>back up</i> atau menjawab semua permasalahan/pertanyaan daripada PTJ</p> <p><u>BPOPA:</u> Ini adalah disebabkan pegawai yang terlibat menghadiri mesyuarat atau perbincangan bersama pihak lain di luar pejabat. Pelanggan boleh meninggalkan no. Tel untuk dihubungi semula.</p> <p><u>BPAD:</u> BPAD sentiasa mengingatkan para pegawai dari semasa ke semasa.</p> <p><u>BPOPP:</u> Pengurusan BPOPP sentiasa memastikan pegawai berada di tempat pada waktu bekerja dan dalam keadaan pegawai tidak berada di tempat kerana menghadiri mesyuarat, cuti dan sebagainya, pegawai di unit yang sama akan mengangkat panggilan telefon.</p> <p>Pengarah Negeri/ Cawangan hendaklah memastikan pegawai di bawah selian masing-masing sentiasa berada di tempat dalam waktu bekerja dan memastikan ada pegawai mengangkat telefon di dalam keadaan pegawai</p>

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
			<p>tidak berada di tempat kerana bertugas di luar pejabat, menghadiri mesyuarat dan sebagainya</p> <p><u>PPPA:</u> Pegawai di PPPA sentiasa bersedia untuk berurusan dengan PTJ supaya mudah dihubungi dan mempunyai pengganti sekiranya mempunyai tugas rasmi di luar pejabat.</p> <p><u>IPN:</u> Semua pegawai sentiasa diingatkan untuk menjawab panggilan telefon dalam tempoh 10 saat.</p>
9	Mohon pegawai yang melayan PTJ harus lebih mesra.	Semua Bahagian	<p><u>BAMOF:</u> Pegawai sentiasa diingatkan untuk mengucapkan salam serta sentiasa tersenyum apabila melayan PTJ</p> <p><u>BPOPA:</u> BPOPA mengambil maklum dan sentiasa mengingatkan warga untuk mengamalkan amalan Berbudai Bahasa</p> <p><u>BPAD:</u> BPAD sentiasa mengingatkan para pegawai dari semasa ke semasa.</p> <p><u>BPOPP:</u> Pengurusan BPOPP sentiasa komited dalam memastikan PTJ dilayan dengan mesra.</p> <p>Pengarah Pengarah Negeri/ Cawangan hendaklah memastikan pegawai di bawah selian masing-masing sentiasa mengamalkan budaya kerja mesra pelanggan semasa berurusan dengan pelanggan.</p>

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
			<p><u>PPPA:</u> PPPA melayan semua pelanggan dengan mesra.</p> <p><u>IPN:</u> IPN sentiasa mengamalkan komunikasi mengikut nilai dan etika baik perkhidmatan awam iaitu Tonggak 12 Perkhidmatan Awam</p>
